



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD			
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	KeTSA			

Kaji risiko tanah runtuh

Tubuh pasukan khas disertai pakar pelbagai agensi

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

YAN

Satu pasukan khas yang menghimpunkan pakar-pakar tertentu daripada beberapa agensi dan kementerian akan diwujudkan untuk mengkaji keselamatan di lokasi kejadian tanah runtuh di seluruh negara.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, beliau yakin langkah itu akan diberikan pertimbangan oleh kerajaan agar kejadian seperti tragedi kepala air di Gunung Jerai yang menyaksikan enam

terkorban tidak berulang pada masa akan datang.

Beliau berkata, antara agensi-agensi di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang boleh digerakkan ialah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia (JPSM).

“Langkah kerjasama ini boleh dilakukan bersama jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pengairan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR).

“Saya akan mencadangkan perkara tersebut ke kabinet supaya kementerian-

kementerian ini akan bertindak secara bersepadu.

“Kita berharap cara ini akan jadi satu penyelesaian terbaik di samping peruntukan yang diberikan kerajaan akan dapat digunakan pada tahap maksimum,” katanya dalam sidang akhbar selepas lawatan kerja di lokasi bencana geologi tanah runtuh dan aliran puing di Gunung Jerai di sini pada Sabtu.



Sinar Ahad, 5 Sept 2021_29

Takiyuddin (tiga dari kiri) meninjau kesan tragedi kepala air di Pusat Rekreasi Titi Hayun, Gunung Jerai pada Sabtu.